

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.3 (26)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGAL 2016-2017)
BILANGAN 1 TAHUN 2016**

Tarikh : 27 Januari 2016 (Rabu)
Masa : 10.30 Pagi – 11.55 Pagi
Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

Hadir : Seperti dilampiran kehadiran

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam dan Korporat mengambil masa selama 5 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis sepanjang bulan Januari 2016.

3. PERUTUSAN DATUK BANDAR

3.1 Beliau bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat bermesyuarat di dalam Mesyuarat Majlis yang pertama bagi tahun 2016. Sekali lagi beliau mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Majlis yang telah dilantik bagi penggal 2016/2017. Beliau berharap agar kerjasama di antara kita semua berpanjangan dan sentiasa dipertingkatkan dalam semangat profesionalisme yang tinggi supaya segala program dapat dilaksanakan lebih baik dan efisien.



Pelantikan ini menuntut keprihatinan dan komitmen yang tinggi daripada Ahli-Ahli Majlis untuk berkhidmat dengan penuh iltizam dan bersungguh-sungguh bagi mencapai wawasan Negeri ke arah kemajuan yang lebih pesat dan makmur terutamanya di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Justeru itu, pendekatan '*total participation*' selaras dengan *best practices* Local Agenda 21 dan gabungan kepakaran Ahli-ahli Majlis serta kerja berpasukan agar kita dapat menguruskan Bandar raya Petaling Jaya ini dengan baik dan memacu halatuju **Bandar Raya Peneraju, Dinamik Dan Lestari**.

- 3.2 Di samping itu juga, nilai-nilai bersama MBPJ diharapkan menjadi pegangan dan amalan dalam setiap tindakan warga majlis iaitu setia, integriti, profesionalisme, utamakan pelanggan dan kerja berpasukan. Beliau berharap supaya semua Ahli-Ahli Majlis dapat bersama-sama menghayati serta mengamalkan Nilai Bersama dengan menitikberatkan kecekapan, akauntabiliti serta keberkesanan hasil kerja yang cemerlang. Keutamaan kita adalah berusaha bersungguh-sungguh dan komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada pelanggan-pelanggan Majlis dan memenuhi ekspektasi masyarakat di Petaling Jaya. Nilai Bersama ini telah dilaksanakan dikalangan pegawai yang menitik beratkan 5 aspek iaitu setia, integriti, profesionalisme, mengutamakan pelanggan yang membuat aduan terutama pembayar cukai serta kerja berpasukan.
- 3.3 Menurut beliau lagi walaupun di dalam Mesyuarat berbeza pendapat dan pandangan, namun keputusan yang dicapai haruslah dipatuhi agar segala perancangan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Beliau turut memaklumkan bahawa Timbalan Datuk Bandar akan membentangkan kertas cadangan jawatankuasa dan keahlian. Beliau turut memaklumkan bahawa setiap Ahli Majlis akan menganggotai tidak lebih daripada tiga (3) jawatankuasa yang berikut:-
- a) Jawatankuasa Kewangan
 - b) Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan
 - c) Jawatankuasa Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas
 - d) Jawatankuasa Pengindahan Bandar
 - e) Jawatankuasa Kemasyarakatan, Perkhidmatan Korporat dan Teknologi Maklumat
 - f) Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat
 - g) Jawatankuasa OSC (4 Ahli Majlis sahaja mengikut arahan Pekeliling bilangan 6 tahun 2008: Penambahbaikan Pelaksanaan Pusat Setempat).



Akan tetapi Datuk Bandar/Yang Dipertua boleh dengan kelulusannya mengkehendaki mana-mana Ahli Majlis menganggotai jawatankuasa lebih daripada jumlah di atas dengan syarat diperakukan dalam Mesyuarat Majlis.

Walaubagaimanapun setiap keahlian Jawatankuasa terdiri tidak lebih daripada dua belas (12) orang Ahli Majlis (termasuk Datuk Bandar) kecuali bagi Jawatankuasa-Jawatankuasa yang keahliannya telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri seperti:-
(*Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SPBT 1/2011)*)

- i) Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat
- ii) Jawatankuasa Tender
- iii) Jawatankuasa Sebutharga
- iv) Pihak Berkuasa Melantik
- v) Lembaga Tatatertib
- vi) Jawatankuasa OSC

Beliau turut memaklumkan bahawa Ketua Whip boleh menganggotai Mesyuarat Pihak Berkuasa Melantik dan Lembaga Tatatertib dengan syarat menjadi Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan, Perkhidmatan Korporat dan Teknologi Maklumat.

3.3 MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP)

Beliau juga ingin menjelaskan bahawa semua Ahli Majlis adalah Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) bagi zon masing-masing. Justeru itu, beliau mengingatkan kepada semua Ahli Majlis supaya dapat bekerjasama erat dengan komuniti di zon masing-masing dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang bersesuaian. Mengadakan mesyuarat MPP zon sekurang-kurangnya 4 kali setahun dan laporan aktiviti hendaklah dihantar ke Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan sebagai urus setia MPP setiap bulan. Semua program MPP menggunakan peruntukan Ahli Majlis yang sedia ada dan peruntukan yang telah disediakan untuk aktiviti kemasyarakatan.

Beliau turut memaklumkan jumlah peruntukan yang diberi kepada setiap Ahli Majlis iaitu sebanyak RM100,000 untuk pembangunan dan sosial. Beliau berharap agar Ahli Majlis dapat membelanjakan peruntukan yang diberi dengan cara berhemah. Harapan beliau agar tiada perbelanjaan 'last minute' di mana peruntukan yang diberikan tidak mencukupi dan beliau terpaksa meluluskan peruntukan beliau untuk menampung lebihan perbelanjaan. Perancangan adalah amat penting dalam menguruskan perbelanjaan.



Penubuhan MPP ini adalah bertujuan memperkukuhkan dan memperkemaskan lagi fungsi Ahli Majlis sebagai pengantara dengan penduduk zon masing-masing. Beliau berharap dengan penubuhan MPP mengikut zon, dapat mengeratkan lagi hubungan di antara Majlis dengan penduduk.

Keprihatinan dan kepekaan Ahli-Ahli Majlis bagi sebarang inisiatif untuk menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan Majlis amat dituntut untuk meningkatkan lagi '*public participation*' bagi sebarang program dan perancangan di zon masing-masing.

Sehubungan itu, beliau memaklumkan bahawa Majlis akan melantik seorang Pembantu Ahli Majlis. Pelantikan ini diharap dapat membantu Ahli Majlis dalam urusan perkara-perkara yang melibatkan MBPJ. Majlis akan menyediakan senarai tugas Pembantu Ahli Majlis yang dilantik dan kemudahan-kemudahan yang akan diperolehi ditentukan kemudian.

3.4 FOKUS 2016

Beliau menjelaskan bahawa pada tahun 2016, MBPJ akan meneruskan inisiatif dengan memberi **FOKUS** kepada yang berikut:-

3.4.1 PERKHIDMATAN BAS PERCUMA

MBPJ sebagai PBT pertama di Negeri Selangor menyediakan **Perkhidmatan Bas Percuma**. Mulai tahun ini, penambahan bas percuma *PJ City Bus* sebanyak 12 buah bas bagi laluan 3 (PJ03) dari Stesen LRT Taman Bahagia ke SS6, Kelana Jaya dan laluan 4 (PJ04) dari stesen LRT Taman Bahagia ke Kg Tunku dan Seapark. Laluan baru ini telah bermula pada **18 Januari 2016**. Beliau turut memaklumkan bahawa Majlis adalah PBT pertama yang menyediakan perkhidmatan PJ City Bus. Untuk Makluman mesyuarat, Kerajaan Negeri Selangor telah melancarkan perkhidmatan bas percuma, Bas Selangorku, yang mula beroperasi di bandar Shah Alam, Petaling Jaya dan Subang Jaya dengan perbelanjaan sebanyak RM3.5 juta. Perkhidmatan bas percuma 'Smart Selangor' kendalian Rapid Bus Sdn Bhd telah beroperasi di Kajang dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Kerajaan Negeri Selangor memperuntukan tambahan RM10 juta bagi pelaksanaan perkhidmatan bas ini. Sementara itu di MBPJ perkhidmatan ini diperluaskan dengan tambahan 2 buah bas elektrik.



3.4.2 PERKHIDMATAN BAS PERCUMA UNTUK PELAJAR SEKOLAH

Perkhidmatan bas percuma untuk pelajar sekolah setiap hari mulai 6.30 pagi hingga 7.30 pagi. Perkhidmatan ini semakin mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan memberi manfaat kepada pelajar-pelajar sekolah dan membantu mengurangkan kos sara hidup penduduk PJ yang berkenaan.

3.4.3 PEMBANGUNAN KOTA SENI

Pembangunan Kota Seni yang melibatkan Dataran Boulevard, Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya, sekitar Menara MBPJ, Auditorium Dewan Sivik, Muzium Petaling Jaya sebagai lokasi pengisian program seni yang menghimpunkan karyawan dan seniman yang ada di Negeri Selangor. Pembangunan Kota Seni tidak hanya terfokus kepada pengisian program malahan juga ia merangkumi dasar pembangunan, pelaksanaan dan perancangan bandar yang diterapkan dengan nilai dan konsep kesenian.

3.4.4 PROGRAM-PROGRAM KESELAMATAN

Program-program keselamatan pula meliputi program rondaan, mempertingkatkan kawalan keselamatan melalui pemasangan CCTV dan memperbanyakkan program kesedaran serta penglibatan penduduk terhadap keselamatan kejuranan. Majlis telah menambah peruntukan bagi Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga dan Badan Pengurusan Bersama yang aktif melaksanakan Pasukan Kejuranan Keselamatan Petaling Jaya (PKKPJ) daripada RM5,000.00 setahun kepada sebanyak RM6,000.00 setahun.

Bagi menjayakan program tersebut, Majlis akan mendapatkan Persatuan Penduduk (RA) dan Rukun Tetangga (RT) terlibat untuk mengisi borang dan bukan menunggu RA dan RT datang ke Majlis untuk mengisi borang.

3.4.5 BANDAR RAYA HIJAU BERKARBON RENDAH TERUS DIPERGIAT

Bagi menyokong iltizam majlis menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah Bandaraya Raya Berdayahuni, program Bandar Raya Hijau Berkarbon Rendah juga turut diberi keutamaan. Bandar Raya Petaling Jaya telah dianugerahkan *Earth Hour Capital City 2015* yang pertama di Malaysia oleh WWF sedunia

dan juga penganugerahan *Provisional Certificate For Low Carbon Cities Framework (LCCF)* oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KETTHA) dan Greentech.

Pengiktirafan ini merupakan satu perakuan dan motivasi besar kepada majlis bagi memajukan Petaling Jaya sebagai bandar raya berkarbon rendah. Sehubungan itu, bagi meneruskan dan meningkatkan inisiatif tersebut, majlis akan meneruskan pelaksanaan Skim Rebat Cukai Taksiran kepada pemilik mesra alam, menawarkan pas bulanan meletak kerta percuma selama 1 tahun bagi pembeli kereta hybrid dan elektrik dari kedai jualan kenderaan di sekitar Petaling Jaya, program pemasangan lampu LED di lorong belakang dan program kitar semula 3R serta perangkaan Pelan Pengurusan Karbon Majlis.

Peruntukan sebanyak RM1.5 juta disediakan bagi program penghijauan bangunan Ibupejabat MBPJ, RM108,000.00 bagi skim belian Motosikal Elektrik bagi kegunaan rondaan kakitangan penguatkuasa, RM850,000.00 bagi Projek Pengkomposan Sisa Pepejal, RM100,000.00 untuk Program Kitar Semula dan RM500,000.00 untuk Program Koridor Hijau.

Dengan pelaksanaan inisiatif ini, Majlis berharap keadaan persekitaran Petaling Jaya lebih mesra alam serta meningkatkan kesedaran dan keprihatinan penduduk untuk menjaga kebersihan dan keindahan bandar raya Petaling Jaya. Beliau turut memaklumkan bahawa bagi memastikan kebersihan Negeri Selangor, YB Dato' Menteri Besar Selangor memberikan nombor telefon beliau kepada orang awam bagi tujuan aduan dan memastikan Selangor bersih.

3.4.6 DIALOG PELAN INDUK PENGANGKUTAN AWAM NEGERI SELANGOR PERINGKAT MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Salah satu halatuju rangka kerja Polisi Perancangan Strategik Bandaraya Petaling Jaya (Sustainable PJ 2030) adalah habitat kita iaitu “menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya indah dan berdayahuni”. Majlis telah merancang pembangunan bandaraya Petaling Jaya sebagai sebuah bandar yang sejahtera dan berdayahuni termasuk mewujudkan sistem pengangkutan yang berintegrasi dengan mengadakan pengangkutan awam bandar yang menyeluruh. Masalah kesesakan lalu lintas merupakan isu paling utama yang telah dikenalpasti oleh penduduk Petaling Jaya, semasa penyediaan Pelan Strategik “Sustainable Petaling Jaya 2030”. Bagi merealisasikan pelan

tindakan tersebut, rangka kerja dasar perancangan 'PJ Sustainable 2030' menetapkan lima halatuju utama iaitu 'alam sekitar lestari', 'ekonomi berdaya saing', 'budaya dan komuniti harmoni', 'bandaraya berdaya huni' dan 'urus tadbir baik'. Pelan ini seterusnya telah menggariskan halatuju majlis untuk mewujudkan sistem pengangkutan yang berintegrasi dengan mengadakan sistem pengangkutan bandar yang menyeluruh.

Sejajar dengan hasrat tersebut, satu Dialog Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor akan diadakan pada 28 Januari 2016, di Dewan Banquet, MBPJ pada jam 8.00 malam, yang akan dihadiri oleh peserta dari semua segmen masyarakat termasuk wakil penduduk, pemaju, perunding, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Penduduk Petaling Jaya yang berminat untuk menyertai sesi dialog ini adalah dijemput hadir.

3.4.7 MEMBUDAYAKAN INOVATIF DAN KREATIVITI

Usaha pemupukan budaya Inovasi di kalangan kakitangan awam merupakan usaha yang perlu diambil positif oleh setiap kakitangan awam. Penekanan kepada aspek inovasi dan kreativiti diperingkat nasional mahupun global amat penting kerana ia menggalakkan daya saing negara.

Perkembangan sesebuah organisasi dalam mentadbir urus banyak bergantung kepada faktor seperti strategi, struktur dan budaya organisasi berkenaan. Strategi dalam konteks inovasi adalah mencari kaedah terbaik bagi mencapai matlamat organisasi. Melaluinya juga, usaha membudayakan inovasi dan kreativiti boleh diterapkan dikalangan pekerja agar setiap pekerja berkebolehan menjana idea baru.

Selain itu, dalam menyuburkan budaya inovasi dan kreativiti ini, ukuran seperti budaya bekerja berpasukan dilihat sebagai aspek penting dalam membantu organisasi cemerlang. Sewajarnya budaya ini tiada titik noktah dalam menterjemahkan kepada mereka yang berkepentingan sejajar yang termaktub di dalam piagam pelanggan.

Keupayaan sesebuah organisasi tidak membawa erti sekiranya organisasi berkenaan tidak memiliki nilai-nilai integriti yang tinggi. Keperibadian seperti rajin, amanah, bertanggungjawab, berdisipin, setia merupakan ciri-ciri unggul yang perlu ada bagi setiap pekerja dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

Justeru itu, Majlis akan mempergiatkan pembudayaan inovasi dalam aspek pengurusan dan teknikal melalui aktiviti-aktiviti dari Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dari setiap jabatan.

Terkini, pelaksanaan *epayslip* yang mula berkuatkuasa Januari 2016 merupakan salah satu inovasi yang dilakukan oleh Majlis. Inovasi pelaksanaan sistem ini merupakan yang terawal dan pertama di peringkat PBT di Malaysia. Pelaksanaan inovasi ini juga, seiring dengan hasrat Majlis bagi pengurusan secara *paperless*.

Selain itu, inovasi Sistem Pemeriksaan Layan Diri (Self Checking System) menerusi laman web membolehkan pelanggan memeriksa status **semakan pembaharuan lesen**. Ini akan memudahkan pelanggan mengetahui maklumat-maklumat terkini berkaitan lesen mereka sebelum hadir ke kaunter pembaharuan lesen. **Sistem semakan permohonan baru lesen** juga diharapkan akan dapat memudahkan urusan pelanggan untuk mengetahui status permohonan sebelum mereka hadir ke kaunter pembaharuan lesen.

Sistem semakan permohonan baru lesen juga diharapkan dapat memberikan kepuasan kepada pelanggan di mana pelanggan boleh mengetahui di peringkat manakah permohonan mereka sedang berada tanpa perlu menelefon ke pejabat. Ia juga memperlihatkan ketelusan Majlis di dalam penyampaian perkhidmatan, iaitu maklumat-maklumat berkaitan permohonan berkenaan dapat disalurkan terus kepada pemohon tanpa penggunaan orang tengah.

Dengan kecanggihan pelbagai applikasi teknologi maklumat serta peralatan yang bersesuaian, beliau berharap banyak lagi inovasi akan dapat dicetuskan yang dapat memberi manfaat serta menambahbaik proses kerja dan dapat meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Majlis.

Akhir sekali beliau memaklumkan bahawa satu mesyuarat Pre Council keahlian jawatankuasa Ahli Majlis perlu diadakan segera. Timbalan Datuk Bandar boleh mempengerusikan mesyuarat tersebut dan diminitkan. Mesyuarat Jawatankuasa boleh diadakan selepas isu keahlian jawatankuasa selesai. Beliau berharap agar Ahli Majlis dan Pengarah serta warga kerja MBPJ dapat bekerjasama sepasukan bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada Penduduk Petaling Jaya. Beliau turut menekankan agar perkara-perkara yang tidak melibatkan polisi boleh diputuskan tanpa di bawa ke mesyuarat untuk

mempercepatkan proses kerja. Sekali lagi beliau mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Majlis yang dilantik.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-

4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 12 TAHUN 2015 (SESI 2014/2015)

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 12 Tahun 2015 bertarikh 23 Disember 2015 telah diluluskan tanpa pindaan.

5.0 LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 12 TAHUN 2015 YANG TELAH DIADAKAN PADA 23 DISEMBER 2015.

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
3.0	LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 11 TAHUN 2015 Perkara 7.3.6 Berkaitan 'PJ City Bus'. Beliau berharap agar perkhidmatan 'PJ City Bus' dipanjangkan ke kawasan beliau iaitu di PJS 5 – PJS 10 agar penduduk di kawasan beliau dapat menikmati perkhidmatan yang diberi.	Perkara ini telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas bertarikh 15 Disember 2015. Mesyuarat tersebut telah memutuskan untuk menggunakan Bas Komuniti PJS sebagai 'bus shuttle' dari Klinik 1 Malaysia ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) mengikut masa-masa tertentu yang akan diuruskan oleh Bahagian Pengangkutan, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.



6. PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

6.1 CADANGAN SENARAI JAWATANKUASA MESYUARAT DAN KEAHLIAN 2016/2017 (LAMPIRAN A)

- 6.1.1 Timbalan Datuk Bandar membentangkan kertas cadangan jawatankuasa dan keahlian Ahli Majlis di dalam Mesyuarat bagi penggal 2016/2017.
- 6.1.2 Memandangkan lain-lain keanggotaan jawatankuasa kecuali Jawatankuasa OSC belum selesai, maka mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan keahlian bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) sahaja. Mesyuarat OSC kali pertama akan diadakan pada 29 Januari 2016 (Jumaat) ini.
- 6.1.3 Ahli Majlis diminta untuk bermesyuarat di dalam Mesyuarat Pre Council bagi membincangkan keahlian jawatankuasa. Mesyuarat Pre Council ini boleh dipengerusikan oleh Timbalan Datuk Bandar dan diminitkan. Mesyuarat Jawatankuasa Majlis hanya akan bersidang selepas selesai penetapan keahlian jawatankuasa Mesyuarat.

Tindakan : Urusetia Mesyuarat, MBPJ.

6.2 CADANGAN PELAN PEMBAHAGIAN KAWASAN AHLI MAJLIS 2016/2017.

- 6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan pelan pembahagian kawasan Ahli Majlis tanpa pindaan bagi penggal 2016/2017 seperti di lampiran B.

6.3 CADANGAN KEDUDUKAN TEMPAT DUDUK AHLI MAJLIS SEMASA MESYUARAT MAJLIS DI DEWAN BUNGA TANJUNG (LAMPIRAN C)

- 6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan kedudukan tempat duduk Ahli Majlis bagi penggal 2016/2017 seperti di lampiran C. Perubahan akan berlaku sekiranya Ketua Whip bertukar.

Tindakan : Urusetia Mesyuarat, MBPJ.



7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH TUAN IR LEE SUET SEN

7.1.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Mesyuarat terutama Tuan Pengerusi. Beliau berpendapat bahawa YBhg. Datuk Bandar, Timbalan Datuk Bandar dan Pengarah-pengarah di MBPJ adalah berpandangan terbuka dan saling membantu di antara satu sama lain serta sentiasa bekerjasama dengan Ahli Majlis.

7.1.2 PJ City Bus

Beliau yakin PJ City Bus akan menjadi ikon Petaling Jaya pada masa akan datang. Kebanyakan PBT merujuk kepada MBPJ untuk dijadikan contoh atau mendapatkan maklumat berkaitan dengan PJ City Bus. Sehubungan itu, beliau berpendapat MBPJ perlu ada pelan tindakan pemasaran untuk menyokong usaha tersebut sama ada melalui sidang akhbar atau cara pemasaran yang baik.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.**

7.1.3 Pelan Induk Pengangkutan Awam

Beliau mencadangkan agar penerangan berkaitan pelan induk pengangkutan awam kepada semua Ahli Majlis dibuat selepas Sambutan Tahun Baru Cina. Sementara itu cadangan taklimat kepada penduduk berkaitan apa yang Majlis buat dalam masa setahun setengah ini perlu diadakan bagi mendapatkan maklumbalas daripada penduduk berkaitan perkara ini. Sekiranya maklumbalas yang diterima adalah negative maka perkara tersebut perlu ditangguhkan. Kajian semula hendaklah dibuat sebelum perkara ini dibawa semula kepada Mesyuarat jawatankuasa untuk pelaksanaan. Beliau berharap agar Majlis buat terbaik memandangkan buat masa sekarang MBPJ adalah PBT pertama yang melancarkan Pelan Induk Pengangkutan Awam.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan,
MBPJ.**



Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.55 pagi. Tuan Pengerusi sekali lagi mengucapkan tahniah dan memohon kerjasama daripada Ahli Majlis yang dilantik semula agar membantu Ahli-Ahli Majlis yang baru dilantik dari segi keperluan kerja. Beliau berharap agar keanggotaan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa bersesuaian dengan kelayakan dan kepakaran yang ada bagi membantu Majlis membuat keputusan. Selain daripada itu harapan beliau agar ada perhubungan dua hala di antara Ahli Majlis dan warga kerja MBPJ bagi melancarkan segala urusan di samping dapat meningkatkan perkhidmatan Majlis kepada penduduk Petaling Jaya.



(JOHARY BIN ANUAR) AMS

Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 1 Februari 2016

LAMPIRAN KEHADIRAN

HADIR:

01. Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain, Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
02. Tuan Johary bin Anuar, Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
03. Tuan Ir. Lee Suet Sen, Ahli Majlis, MBPJ.
04. Encik Azri bin Mohamad Arish, Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Oon Chong Ling, Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Ang Ming Ern, Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin, Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Azizi bin Ariffin, Ahli Majlis, MBPJ.
09. Puan Sia Siew Chin, Ahli Majlis, MBPJ.
10. Encik Tang Fuie Koh, Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Suriase a/l Gengiah, Ahli Majlis, MBPJ.
12. Encik Halimey bin Abu Bakar, Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Shatiri bin Mansor, Ahli Majlis, MBPJ.



15. Puan Wong Yuet Leng,
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Cik Jamaliah binti Jamaluddin,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Puan Elaine Magdaline Nathaniel,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Wong Swee Sang,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Terence Tan Teck Seng,
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Puan Ghandimathi a/p Suppiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Derek John Fernandez,
Ahli Majlis, MBPJ.

TIDAK HADIR:

01. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.
02. Encik Ong Swee Long, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.
03. Puan Ermeemarianna binti Saadon, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

01. Tuan Haji Ahmat Mohayen bin Haji Said,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.



04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM,
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,
Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohammad Faizal bin Mustaffa,
Wakil Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Norzita binti Mokhtar,
Wakil Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Puan Haniza binti Abdul Hamid,
Pengarah,
Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
15. Puan Hajah Norlida binti Md. Isa,
Pengarah, Unit Audit Dalam dan Integriti, MBPJ.
16. Cik Nor Shabani binti Johari,
Pengarah, Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Puan Hairulliza binti Abdul Rahman,
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.



18. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
19. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
20. Puan Saliza binti Mohd Masri,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

AHLI PARLIMEN/ADUN:

01. YB. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran,
ADUN Bukit Gasing.

URUSETIA:

01. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd Sakri bin Md Zin,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

